




HASIL TANGKAPAN ... Para peserta bergambar bersama Dr Ismail Ali (ketiga kanan).



PAYAO ... Salah satu payao UMS yang dilabuhkan di perairan dekat Pulau Mabul, Semporna.

Kesedaran nelayan menentukan kelangsungan sumber marin di Sabah

OLEH MARRYAN RAZAN
(marrayan@newsabah-times.com.my)

SEMPORNA: Universiti Malaysia Sabah (UMS), sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan nelayan di Sabah bagi memastikan kelangsungan sumber marin di negeri ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, antara usaha itu ialah melaksanakan penyelidikan berkaitan pengkulturan rumpai laut, penternakan ikan dalam sangkar, penggunaan payao (unjang ikan), pembangunan pendidikan anak-anak nelayan dan memberikan khidmat nasihat.

"Kita juga mengambil kira kesedaran nelayan dalam menentukan kelangsungan sumber marin di Sabah," katanya ketika mengulas mengenai projek UMS memperkenalkan penggunaan Payao di Semporna bagi meningkatkan tangkapan nelayan.

Sementara itu, Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, ACP Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur berharap program pembuatan dan pemasangan payao ikan tuna dapat diperluaskan bagi mendekatkan kerjasama antara pelajar dan masyarakat setempat dalam proses peningkatan kemahiran insaniah di kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Demi mencapai matlamat tersebut, UMS dengan kerjasama Majlis Kesukarelawanan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) telah mengadakan Pertandingan Memancing Ikan Laut Dalam pada 8 hingga 11 April baru-baru ini.

Pertandingan tersebut diadakan di dua buah payao di perairan Semporna dan telah menarik penyertaan seramai 45 komuniti nelayan di Pulau Mabul, Semporna serta kakitangan UMS.

Penyelaras Pertandingan, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, pertandingan itu bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan keprihatinan para nelayan di Sem-

porna terhadap penjagaan sumber marin, menggalakkan nelayan menceburkan diri dalam perikanan laut dalam, menguji keberhasilan sumber ikan di payao dan memberi tunjuk ajar mengenai kaedah mengurus tadbir sendiri dua buah payao yang telah diperuntukkan kepada nelayan.


"Walaupun Semporna merupakan antara pusat pendaratan ikan utama di Sabah namun masalah penangkapan ikan berlebihan, penggunaan bahan letupan dan racun serta penangkapan ikan Yu terus berlaku.

"Justeru kesedaran dan komitmen para nelayan sangat diperlukan sebagai penentu utama dalam usaha melestarikan sumber marin di Semporna dan Sabah keseluruhannya," katanya.

Dalam pertandingan itu, Abd Shukor Danabai muncul Raja Pancing UMS 2012 kategori tangkapan seekor ikan apabila berjaya membuat tangkapan ikan tuna gergasi (kayu balak) seberat 85kg.

Shukor meraih hadiah wang tunai RM1000, Jaket Raja Pancing,

TANGKAPAN ... Dr Ismail (kiri) bersama Hinmin memegang tangkapan ikan tuna mereka.



trofi Naib Canselor dan hamper.

Manakala Abdul Asamli pula menjadi johan kategori keseluruhan berat tangkapan apabila berjaya mendaratkan dua ekor ikan seberta 95kg dan menerima hadiah wang tunai RM700, Jaket Raja Pancing, trofi Timbalan Naib Canselor, alat pancing dan hamper.

Naib Johan dimenangi oleh Sahid Dollah dengan tangkapan tiga ekor ikan tuna seberta 75kg dengan hadiah RM500, trofi Pendaftar UMS, alat pancing dan hamper.

Hinmin Chiam Tah Kong dari UMS menduduki tempat keempat dengan tangkapan seekor ikan tuna seberta 42kg.

Payao merupakan istilah perikanan setempat yang menggunakan daun kelapa untuk menarik kedatangan kawanan ikan tuna berkumpul dan berlindung.

Pengkaji UMS telah memodifikasikan peralatan dan pemasangan Payao itu dan kini mula memberikan impak yang menggembirakan kepada golongan nelayan tradisional.